

**Faktor Kemudahterancaman Pekebun Kecil Persendirian untuk  
Mencapai Pengeluaran Kelapa Sawit Lestari**

Sukainah Farhah Binti Ador (P80186) dan Chamhuri Siwar

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: sukainahfarhahador@gmail.com

**Penyataan Masalah:** Pekebun kecil persendirian merupakan pemain penting dalam rantaian nilai yang memberikan sumbangan yang sangat signifikan terhadap perkembangan sektor sawit. Namun, produktiviti golongan ini masih berada pada tahap yang agak rendah dan golongan ini berdepan dengan pelbagai cabaran dankekangan untuk mengeluarkan kelapa sawit secara lestari. Faktor kemudahterancaman bagi golongan ini hanya dinyatakan secara umum dalam kebanyakkan kajian. **Objektif:** Sehubungan itu, kertas ini bertujuan untuk menganalisis faktor kemudahterancaman (*vulnerability*) yang menjadi cabaran besar bagi pekebun kecil persendirian untuk mencapai pengeluaran kelapa sawit lestari. **Metodologi:** Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan literatur serta melalui temubual dengan beberapa pekebun kecil persendirian dan pegawai Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). **Hasil** daripada analisis ini, satu kerangka kemudahterancaman yang inklusif terhadap Pekebun kecil persendirian dibentuk. **Kesimpulan:** Kefahaman yang jelas berkenaan faktor kemudahterancaman pekebun kecil kelapa sawit untuk mencapai kelestarian akan membantu pembentukan strategi yang sesuai untuk membantu golongan ini ataupun sebagai penambahbaikan strategi sedia ada untuk menyelesaikan masalah tersebut.